

UCAPAN

oleh

Yang Berbahagia
Professor Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Di

Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan (MoA)

Di antara

Universiti Teknologi MARA

Dan

Pixlr Group

17hb Januari 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Senarai tetamu akan dikemaskini kemudian

Hadirin Sekalian

1. Selamat pagi, dan selamat datang kepada semua yang hadir pada hari ini. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, atas limpahan rahmat-Nya, kita semua dapat berkumpul pada acara bermakna ini.
2. Saya amat berbesar hati dan amat berbangga kita dapat bersama-sama di dalam majlis menandatangani Memorandum Perjanjian antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Pixlr Group, sebuah peneraju yang terkemuka dalam penyelesaian kreatif berasaskan kecerdasan buatan (AI).

3. Kerjasama ini amat bermakna kerana ia mencerminkan aspirasi UiTM "*globally renowned, locally rooted*". Pixlr Group, sebuah syarikat tempatan yang telah dinobatkan sebagai salah satu syarikat "unicorn" berpotensi di Malaysia, adalah bukti besar kejayaan sebagai perintis di dalam arena kreatif AI sehingga mencapai kehadiran di peringkat global, memampankan ekonomi digital Malaysia.
4. Kerjasama ini hadir pada saat yang amat bertepatan sekali. Ini adalah kerana kecerdasan buatan sedang mendefinisikan semula industri, membentuk semula keperluan kemahiran dan keusahawanan, serta membuka peluang baharu kreativiti dan inovasi. Malaysia, melalui Pelan Hala Tuju AI, sedang giat meletakkan dirinya sebagai hab AI serantau, mendorong kemajuan terkini yang memberi manfaat kepada perniagaan, akademik, dan masyarakat.
5. UiTM, sebagai universiti terbesar di Malaysia, melihat kerjasama ini sebagai platform untuk memperkasakan warga UiTM dengan alat, pengetahuan, dan peluang yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia yang pesat berubah.

6. Saya amat berbangga dengan pelbagai inisiatif yang akan dipaterikan melalui MoU hari ini. Antaranya:

- *Pixlr for Education* - memberikan akses kepada alat AI yang canggih,
- *Pixlr Official Certification* - melengkapkan bakat UiTM dengan kelayakan yang diiktiraf industri,
- *Pixlr AI Awards Malaysia* - meraikan kreativiti dan inovasi, dan
- *Pixlr Graduate Program* - merapatkan pembelajaran akademik dengan pengalaman industri

Program-program ini pastinya dapat memastikan kesediaan para graduan UiTM di dalam tenaga kerja global yang semakin kompetitif.

Hadirin Sekalian

7. Hari ini kita meraikan satu kerjasama yang menjadi contoh kekuatan transformasi hasil kolaborasi antara akademik dan industri. Ia mencerminkan kepercayaan bersama kita bahawa pendidikan mesti berkembang sejajar dengan kemajuan teknologi, memperkasa pelajar untuk menerajui

dan berinovasi dalam ekonomi digital.

8. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pixlr Group atas kerjasama, visi, dan dedikasi anda untuk memperkasa generasi akan datang. Bersama-sama, kita bina asas untuk masa depan yang lebih cerah bagi pelajar, universiti, dan negara kita.

Terima kasih

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.